

14/06/2001

Pemimpin baru Pemuda bertekad perkukuh pergerakan

dan Nahar

KUALA LUMPUR, Rabu - Ketua Pemuda Umno Negeri yang baru, bertekad untuk memperkukuhkan pergerakan itu, terutama bagi mendekati golongan muda serta menghadapi pilihan raya umum 2004.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan yang baru, Mohd Rujahan Salleh, berkata usaha menambah ahli diperhebatkan mulai sekarang selaras harapan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu melihat setiap Pemuda menarik lima ahli baru.

Semalam, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, mengumumkan pelantikan Ketua Pemuda negeri yang menyaksikan 11 muka baru menerajui kepimpinan Pemuda peringkat negeri.

Di DUNGUN, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Terengganu, Din Adam, mengakui tugas yang akan dipikulnya sukar, tetapi itu tidak menghalang pemuda meneruskan perjuangan memartabatkan agama Islam dan bangsa Melayu.

"Kami sedang merangka beberapa program terutama memperbanyakkan agenda bersama rakyat melalui 'Pemuda Masuk Kampung' dan mewujudkan sekurang-kurangnya satu pertubuhan belia bagi setiap cawangan Umno," katanya.

Di SEREMBAN, Pemuda Umno Negeri Sembilan di bawah pimpinan ketuanya yang baru, Ghani Hassan meletakkan sasaran untuk mendaftar kira-kira 10,000 ahli baru daripada kalangan remaja dalam tempoh terdekat ini.

Ghani berkata, pergerakan itu menyusun strategi yang sesuai bagi memikat golongan terbabit bergiat aktif dalam parti pada peringkat cawangan dan bahagian.

"Satu perjumpaan khas dengan semua pemimpin ketua Pemuda bahagian akan diadakan tidak lama lagi untuk melaksanakan program berkenaan," katanya.

Di MELAKA, Ketua Pemuda Umno negeri yang baru, Jamiluddin Jonit berkata, beliau akan memastikan lebih banyak bilik gerakan Pemuda Umno diwujudkan pada peringkat bahagian dan cawangan.

Katanya, ahli Umno peringkat cawangan dan bahagian adalah akar umbi serta tunjang kukuh Umno dan sewajarnya diberi perhatian.

Di ALOR STAR, Pergerakan Pemuda Umno Kedah berhasrat menggabungkan semua pemimpin akar umbi cawangan dan bahagian bagi menjadikan Pemuda lebih mantap di semua peringkat.

Ketuanya yang baru, Ariffin Man, berkata program Pemuda turun padang akan diatur semula supaya lebih lancar dan memberi kesan terbaik kepada semua yang terbabit.

"Pemuda negeri akan mengadakan mesyuarat pertama Sabtu ini bagi merancang program untuk faedah ahli dan masyarakat," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Pemuda Umno Johor akan memperhebatkan usaha mendekati generasi muda di peringkat sekolah, pusat pengajian tinggi, kilang dan di kampung.

Ketua Pemuda Umno negeri yang baru dilantik, Ayob Rahmat, berkata usaha itu selari dengan program yang dilaksanakan pada peringkat kepimpinan Pemuda Pusat yang sudah mula mengambil langkah memperkenalkan program masuk kampung.

"Ini adalah agenda penting yang akan dilaksana Pemuda negeri sepanjang tempoh sebelum pilihan raya umum 2004," katanya.

Di IPOH, Ketua Pemuda Umno Perak yang baru dilantik, Nasir Ismail ketika dihubungi berkata, beliau berterima kasih kepada Hishammuddin atas kepercayaan yang diberikan kepadanya.

"Ia satu amanah dan tanggungjawab yang cukup berat dan fokus kita ialah memperkukuhkan parti bagi menghadapi pilihan raya umum 2004," katanya.

Di KUANTAN, Ketua Pemuda Umno Pahang yang baru, Ismail Muhamed Said berkata, pergerakan itu akan berusaha mendekati belia, terutama pelajar institusi pengajian tinggi dan generasi kedua Felda.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Mentakab, berkata Pemuda negeri akan bergerak seiringan dengan persatuan belia seperti Belia 4B bagi merangka program khusus untuk mereka.

"Pemuda negeri juga akan mengadakan lawatan ke setiap cawangan Pemuda untuk meninjau lebih dekat mengenai kegiatan mereka serta menubuhkan beberapa biro bagi melicinkan kegiatan di samping menjaga kebajikan ahli," katanya.

Di BUTTERWORTH, Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang mengumumkan perubahan tiga jawatan tertinggi Exco Pemuda negeri selaras pelantikan baru dan rombakan kepemimpinan Exco Pemuda Pusat, semalam.

Perubahan itu membabitkan jawatan Naib Ketua Pemuda negeri, yang kini disandang Liakat Ali Mohamed Ali. Beliau yang sebelum ini Setiausaha Pemuda adalah Ketua Pemuda Umno Bahagian Bayan Baru.

Jawatan setiausaha diisi Ketua Pemuda Bahagian Balik Pulau, Shah Headan Ayob Hussain Shah yang sebelum ini menduduki kerusi Penolong Setiausaha.

Satu lagi perubahan jawatan membabitkan Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanjung, Raja Munir Shah Raja Mustapha yang dilantik Ketua Penerangan, menggantikan Shah Headan.

Perubahan itu diumumkan Ketua Pemuda Umno negeri, Roslan Saidin. Bagaimanapun, Roslan berkata, jawatan Bendahari kekal dipegang oleh Ketua Pemuda Umno Bahagian Nibong Tebal, Mohd Fuad Mat Isa.

(END)